

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM
[SARATOK]**

TARIKH : 7.3.2018 (RABU)

SOALAN :

Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan berhasrat untuk memberikan bantuan persekolahan seperti baju sekolah, kasut sekolah, beg sekolah dan alat tulis kepada pelajar atau murid yang berasal daripada keluarga yang tidak mampu.

BKEW

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mempunyai program khusus untuk memberi bantuan seperti baju sekolah, kasut sekolah ataupun beg sekolah. Namun begitu, Kementerian menyalurkan peruntukan bantuan persekolahan kepada murid yang berasal daripada keluarga kurang berkemampuan bagi membantu persiapan murid-murid ke sekolah secara tunai melalui **Bantuan Awal Persekolahan (BAP)**, **Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Badan Beruniform** bagi pembelian pakaian seragam Pasukan Badan Beruniform, serta **Bantuan Am Persekolahan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)**.